

FORMAT PERTANDINGAN KUIZ MINI ULUL ALBAB

PENYERTAAN : SEMUA MRSM MINI ULUL ALBAB

PERTANDINGAN KUIZ BERTULIS

- 1) Penyertaan:
 - a) Penyertaan terdiri daripada seorang wakil dari setiap MRSM **Mini** Ulul Albab.
 - b) Terbuka kepada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan lima.
 - c) Seorang peserta hanya boleh menyertai satu pertandingan sahaja.

- 2) Skop Soalan:
 - a. Skop soalan Sains Al-Quran: Berdasarkan ayat hafazan mini Ulul Albab iaitu Juzuk 30, Surah Yasin, As-Sajadah, Al-Mulk dan Al-Insan.
 - i. Contohnya : Nyatakan potongan ayat Al-Quran yang menjelaskan berkaitan matahari berjalan di atas orbitnya di dalam Surah Yasin.

 - b. Skop Soalan Ulum Al-Quran adalah berpandukan silibus Pendidikan Al-Quran dan Sunnah sebagai asas dan juga pengetahuan am berkaitan dengan ilmu Pengantar Al-Quran.
 - i. Contoh soalan: Terangkan dua perbezaan antara ayat Makkiah dan ayat Madaniah.

- 3) Perjalanan Kuiz:
 - a. Pelajar akan menjawab secara online pada 6 Julai 2017 di maktab masing-masing.
 - b. Laman web yang digunakan ialah <https://quizizz.com/join/>
 - c. Kod Soalan akan diberikan pada 6 Julai 2017 kepada maktab melalui group *Whats Apps* guru Pengiring.
 - d. Masa menjawab bermula 8.00am hingga 3.00 pm hari tersebut.
 - e. Jawab semua 50 soalan . Setiap soalan peserta diberikan masa 30 saat untuk menjawab.
 - f. Peserta yang menjawab kuiz tersebut hendaklah dipantau oleh guru Sains Komputer maktab masing-masing.
 - g. Setiap peserta hendaklah menggunakan 'user name' MRSM masing-masing. Cth : MRSM SERTING. Perkara ini bagi memudahkan urusetia pertandingan membuat penilaian.

- 4) Format Penilaian:
 - a. 10 orang pelajar yang memperoleh markah tertinggi sahaja akan dijemput hadir ke MRSM Gemencheh untuk peringkat akhir. Nama peserta yang layak akan dimaklumkan pada hari Jumaat (7 Julai 2017)

- b. Pemenang nombor satu sehingga nombor 10 akan dipilih untuk ke peringkat akhir (kuiz lisan).

KUIZ LISAN (PERINGKAT AKHIR)

- 1) 10 peserta terbaik kuiz bertulis layak untuk menyertai kuiz lisan peringkat akhir
- 2) Kuiz lisan mempunyai 5 pusingan soalan. Skop Soalan adalah sama seperti Kuiz Bertulis.
 - a. Pusingan Pertama : Peserta akan ditanya soalan yang memerlukan jawapan Ya/Tidak.
 - b. Pusingan kedua : Peserta dikehendaki menjelaskan maksud Istilah dan ilmu berkaitan ulum Al-Quran.
 - c. Pusingan ketiga : Peserta akan ditanya berkaitan ilmu Sains Al-Quran.
 - d. Pusingan keempat : Peserta akan ditanya berkenaan maksud ayat yang berkait dengan Sains di dalam Al-Quran.
 - e. Pusingan ke lima : Peserta akan diminta membacakan ayat Al-Quran berkaitan dengan Sains di dalam Al-Quran.
- 3) Pusingan 1 hingga 3 akan ditanya secara bergilir.
- 4) Pusingan 4 dan 5 akan ditanya secara terbuka kepada semua peserta.
- 5) Setiap soalan yang dijawab dengan tepat akan diberikan 10 markah tetapi jika salah akan ditolak 5 markah
- 6) Soalan yang tidak dapat dijawab akan dibuka kepada peserta yang lain untuk menjawab. Jika betul akan diberi 5 markah dan jika salah, markah tidak akan dipotong .
- 7) Mana-mana peserta yang menekan 'buzzer' sebelum soalan selesai dibaca akan dipotong 5 markah dan tidak dibenarkan menjawab soalan tersebut.

PERINGATAN

1. Keputusan hakim adalah muktamad.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Kuiz Mini Ulul Albab** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan **Ustaz Mohd Haziman Bin Mad Zaid** di talian **013-6842969**.
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan bagi **MAKTAB YANG LAYAK KE PERINGKAT AKHIR** setelah saringan (secara atas talian) : **16 Jun 2017 (Jumaat)**.